

01/08/1999

Kaji punca kelemahan pelajar Melayu

BANGI: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam mencadangkan Umno segera melakukan kajian menyeluruh untuk mencari punca sebenar jurang pencapaian akademik antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Beliau berkata, kerajaan juga mesti mengambil inisiatif dengan menganjurkan perjumpaan, termasuk seminar atau kongres dengan membabitkan tokoh akademik, golongan profesional dan pelajar bagi menangani masalah itu.

Menurutnya, pasukan kerja atau badan dianggotai tokoh pendidikan disegani untuk mengumpul maklumat, meneliti dan memahami cadangan yang bakal dikemukakan kepada kerajaan, juga perlu diwujudkan.

"Saya cadangkan kerajaan tubuhkan pasukan kerja dan pada masa yang sama anjurkan perjumpaan khususnya. Selepas itu, rancang strategi untuk atasi masalah pelajar lemah.

"Dalam hal ini, saya amat serius. Saya harap kerajaan akan kumpul maklumat (cara atasi kelemahan) yang boleh diterima semua pihak," katanya ketika menyampaikan ucapan Kongres Mahasiswa Anak Johor IPT '99 di Bilik Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Musa berkata, kongres seumpama itu bukan untuk mencari salah atau menang sorak tetapi merumus kesimpulan bagi diserahkan kepada kerajaan supaya dapat dilaksanakan.

Pada masa sama, beliau meluahkan keprihatinannya terhadap kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Julai lalu. Perdana Menteri ketika itu melahirkan rasa sedihnya terhadap jurang perbezaan pencapaian akademik pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar Syed Jaafar yang menjadi salah seorang anggota panel perbincangan berkata, kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan akan mengkaji masalah berkenaan.

"Sudah pasti kementerian akan cari jalan untuk atasi. Mekanisme atasi masalah memang boleh dicari. Tapi, pada masa yang sama, saya fikir tidak perlu diwujudkan pasukan khas," katanya.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, pula berkata pihaknya sedang berusaha 'merapati' pelajar untuk mengenal masalah dengan lebih mendalam.

(END)